

Newspaper	SELANGORKINI
Date	10 FEBRUARY 2017

Utama

2 | SelangorKini 10 - 17 Februari 2017

Bina negara lebih baik

PAKATAN tekad selamatkan Malaysia

OLEH HAFIZAN TAIB

PETALING JAYA - Pelbagai skandal melanda negara ketika ini hingga menjadi perhatian global, mendorong parti pembangkang dalam Pakatan Harapan (PAKATAN) bertekad merubah keadaan dengan menumbangkan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum (PRU) nanti.

Dalam kenyataan bersama dikeluarkan sempena Sidang Meja Bulat Selamatkan Malaysia dianjurkan pada 7 Februari lalu, KEADILAN, DAP, AMANAH juga PPBM mencapai persetujuan dalam isu berkenaan bagi meraih sokongan rakyat menolak pentadbiran kerajaan diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

"Malaysia kini 'terkenal' dengan kleptokrasi global dan menyedihkan ketua pegawai kerajaan termasuk Peguam Negara dan Ketua Polis Negara sekadar cuci tangan daripada skandal ini dengan mengisytiharkan tiada

orang didapati bersalah walau terdapat bukti dikemukakan Ketua Audit Negara.

"Kita di Malaysia sedang berada di tahap membimbangkan maka bagi membuang label kleptokrasi global amat memalukan ini, kita rakyat tanpa mengira kaum, agama, bahasa, wilayah, gender, usia atau ideologi mesti bekerjasama untuk selamatkan Malaysia," kata kenyataan itu.

Persidangan itu dipengerusikan Ketua Parlimen DAP, Lim Kit Siang disertai Presiden KEADILAN, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Pengerusi PPBM, Tun Dr Mahathir Mohamad; Presiden AMANAH, Mohamad Sabu; Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng serta pemimpin parti komponen lain PAKATAN.

Skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) terutamanya dipercayai membabitkan Najib mewujudkan situasi tidak menentu dalam negara sekaligus menimbulkan kebimbangan umum.



Pimpinan PAKATAN menyatakan Kerajaan Persekutuan perlu menerima hakikat wujudnya skandal 1MDB untuk memastikan ia tidak lagi menghantui negara dan rakyat serta menyarankan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi memastikan setiap sen daripada skandal itu dikembalikan.

"Kita perlu memulihkan kedaulatan undang-undang, pemisahan kuasa dan pentadbiran baik untuk membolehkan kembali kepada asas prinsip perlembagaan.

"Kita perlu bekerjasama untuk menghapuskan semua undang-undang zalim dan perjan-

jian tidak adil yang melanggar hak asasi dijamin Perlembagaan Persekutuan," jelas kenyataan itu.

Kepimpinan PAKATAN juga menyatakan kesungguhan melakukan yang terbaik dan bekerjasama sebagai rakyat Malaysia bagi membina negara bersempena, aman dan lebih baik.